

| | | | |
|-------------|---------------------------------|------------|---------|
| Headline | Harap kontraktor lebih prihatin | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Feb 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 112,050 | Readership | 336,150 |
| Section | Letters | Page No | 18 |
| ArticleSize | 146 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 8,736 | | |
| | | | |



Harap kontraktor lebih prihatin

SAUDARA PENGARANG,

SAYA difahamkan pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Seremban menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menghantar notis pemotongan bekalan elektrik dan barangkali mereka dibayar dalam bentuk komisen berdasarkan jumlah pemotongan dan sambungan.

Ini membayangkan pengurusan TNB dalam keadaan 'mewah' kerana masih boleh melantik pihak ketiga tanpa memberi keutamaan penggunaan kakitangan.

Saya merayu pihak TNB

tidak terlalu memberi tekanan kepada pengguna domestik. Memahami upah pihak ketiga dibayar melalui komisen oleh TNB sudah tentu semasa penguatkuasaan pemotong bekalan elektrik, nilai-nilai kemanusiaan serta keprihatinan terhadap orang ramai kurang menjadi keutamaan.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu ditambah tarif elektrik yang tinggi terutama apabila penggunaan melebihi 300kWh, mereka yang berpendapatan rendah amat terbeban untuk melunaskan

caj yang dikenakan.

Pada pendapat saya adalah lebih beretika TNB fokus kepada pengguna perdagangan yang mana penggunaan elektrik mereka berasas kepada pengeluaran produk.

Ini yang memberi hasil pulangan untuk mereka membayar kos-kos operasi termasuk kos elektrik, oleh yang demikian pelantikan pihak ketiga itu lebih berbaloi dan munasabah.

TENGKU MAN
Senawang